

20/07/2002

Memperkasa umat Islam dengan ilmu

DALAM ucap utamanya di Forum Antarabangsa Kuala Lumpur Mengenai Islam (Kalif 2002), semalam, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sekali lagi bercakap mengenai pentingnya ilmu dalam konteks memperkasakan masyarakat Islam. Kepentingan ilmu, dalam zaman mana dan masyarakat mana sekali pun, adalah hakikat yang tidak sepatutnya dinafikan. Ilmu adalah penentu kepada potensi manusia untuk menzahirkan daya fikir, daya cipta, daya penerokaan dan sebagainya. Masyarakat yang menolak ilmu, adalah golongan yang bersedia untuk selama-lamanya terperap di bawah tempurung. Sungguh malang jika masyarakat Islam sendiri diajak dan diasuh supaya mengabaikan kepentingan ilmu. Hujah yang mengatakan bahawa ilmu dunia tidak penting adalah satu penipuan kepada bangsa dan agama. Tidak ada siapa pun yang menolak bahawa ilmu akhirat tetap penting tetapi ini tidak bermakna ilmu dunia boleh diabaikan sedangkan bangsa dan penganut agama lain terus meneroka pelbagai bidang ilmu. Tidak ada peraturan di dunia yang menyekat manusia untuk mengaut sebanyak mungkin ilmu walaupun di angkasa lepas sekali pun.

Islam sendiri mengajak umatnya supaya menuntut ilmu hingga ke negeri China. Tetapi, apabila ada golongan dalam Islam sendiri yang mengeluarkan "fatwa" yang mencemuh ilmu dunia, yang mengaitkannya dengan keburukan sekularisme, maka dengan sendirinya mereka menolak penerokaan ilmu. Pertimbangan berat sebelah antara ilmu akhirat dan dunia menjadikan umat Islam keliru. Ini tidak sepatutnya berlaku jika umat Islam mahu bangun sebagai penganut yang kuat dan bermaruah. Apakah penganut Islam boleh terus melangut dan membiarkan bangsa lain di dunia mencipta pelbagai kemajuan? Kaum lain terus mencipta pelbagai senjata canggih yang boleh memusnahkan sedangkan umat Islam hanya berdoa agar mereka tidak diserang. Hakikatnya, musuh utama kaum dan agama lain ialah Islam. Percubaan untuk memusnahkan Islam oleh kuasa besar bukan lagi dibuat secara berselindung sebaliknya sudah terang lagi bersuluh. Umat Islam sudah jauh ketinggalan kerana sikap mereka yang menganggap ilmu dunia adalah sementara. Apakah usaha memajukan umat Islam bukan tergolong dalam fardu kifayah. Sekiranya selama ini takrifan mengenai ilmu dipesongkan oleh golongan mereka yang menolak ilmu keduniaan, ia hendaklah diperbetulkan.